

'Tiada bukti Raja Arab beri dana'

Tidak konsisten dengan apa diberitahu Raja Abdullah kepada tertuduh di Riyadh: Hakim

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam, memutuskan tidak ada bukti Raja Arab Saudi mahu memberi bantuan kewangan kepada Datuk Seri Najib Razak atau Malaysia.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali berkata, hanya kemudian ahli perniagaan Jho Low memaklumkan bahawa Almahrum Raja Abdullah Abdul Aziz + Al-Saud mahu memberikan derma.

"Ini tidak konsisten dengan apa yang diberitahu oleh Raja Abdullah kepada tertuduh ketika bertemu di Riyadh," katanya ketika membacakan rumusan penghakiman keputusan kes Najib yang berdepan tuduhan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd.

Mohd Nazlan berkata, Najib sepatutnya mengetahui baki dalam akaunnya berdasarkan hujahan pembelaan bahawa Jho Low dan bekas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Seri Azlin Alias, menguruskan akaun bekas Perdana Menteri itu.

"Apabila mengetahui wang

itu bukan derma dari Arab Saudi, tertuduh sepatutnya mengambil tindakan memulangkan wang berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, Najib tidak mengambil apa-apa tindakan berhubung perkara itu.

Najib, 67, menghadapi tiga pertuduhan pecah amanah jenayah (CBT), tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kuasa membabitkan dana SRC International.

Mengenai pertuduhan menyalahgunakan kuasa, hakim berkata pasukan pembelaan Najib gagal mengetengahkan mengenaiimbangan kebarangkalian untuk menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.

Najib sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia ketika itu, didakwa menggunakan kedudukannya untuk melakukan rasuah RM42 juta menerusi pembabitian atau penyertaannya dalam keputusan untuk menyediakan jaminan kerajaan bagi pinjaman yang dimohon daripada KWAP oleh SRC yang berjumlah RM4 bilion.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Perdana Menteri, Presint 1, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya antara 17 Ogos 2011 dan 8 Februari 2012. Najib adalah Perdana Menteri keenam dari 2009 hingga 2018.

Mohd Nazlan kemudian membacakan penghakiman bagi pertuduhan pecah amanah jenayah (CBT).



Mohd Nazlan Mohd Ghazali


7 pertuduhan selewang dana SRC International RM42 juta

3 PERTUDUHAN PECAH AMANAH JENAYAH
» Dibuat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan.
» Penjara maksimum 20 tahun dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

3 PERTUDUHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
» Dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.
» Penjara sehingga 15 tahun dan denda sehingga 5 kali jumlah, atau nilai daripada hasil diperoleh secara tidak sah atau RM5 juta, mana lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.

1 PERTUDUHAN SALAH GUNA KUASA
» Dibuat mengikut Seksyen 23 dan 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

» Penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai rasuah atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika disabitkan kesalahan.



Grafik

Bagi dua pertuduhan CBT, Najib sebagai seorang ejen dan penjawat awam iaitu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia serta Penasihat Emeritus SRC International, didakwa menyeleweng RM27 juta dan RM5 juta daripada dana sebanyak RM4 bilion milik SRC.

Beliau didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan Kumpulan Ambank, No 55, Jalan Raja Chulan di sini antara 24 Disember 2014 dan 29 Disember 2014.

Bagi pertuduhan ketiga, Najib didakwa menyeleweng RM10 juta daripada RM4 bilion milik SRC di tempat sama antara 10 Februari 2015 dan 2 Mac 2015.

Ketiga-tiga pertuduhan adalah mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman maksimum

penjara 20 tahun dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan menyalahgunakan kedudukannya, Najib sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan didakwa menggunakan kedudukannya untuk melakukan rasuah membabitkan RM42 juta menerusi pembabitian atau penyertaannya dalam keputusan untuk menyediakan jaminan kerajaan bagi pinjaman yang dipohon daripada KWAP oleh SRC yang berjumlah RM4 bilion.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Perdana Menteri, Presint 1, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya antara 17 Ogos 2011 dan 8 Februari 2012.

Bagi pertuduhan pengubahan wang haram, Najib didakwa menerima RM27 juta, RM5

juta dan RM10 juta hasil aktiviti haram menerusi Sistem Peminjaman Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Tepat Masa (Rentas) ke dalam dua akaun AmIslamic Bank Berhad.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di AmIslamic Bank Berhad, AmBank Group Building, No. 55, Jalan Raja Chulan di sini, antara 26 Disember 2014 dan 10 Februari 2015.

Pertuduhan itu mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPAAA) 2001 dan jika sabit kesalahan, bekas Perdana Menteri itu berdepan hukuman maksimum penjara 15 tahun dan denda lima kali ganda nilai hasil haram atau RM5 juta, mengikut mana lebih tinggi, bagi setiap pertuduhan.